

# PM terima Ijazah Doktor Kehormat Humane Letters

Universiti hargai jasa Dr M dalam pendidikan, kedaulatan undang-undang



**Kyoto:** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Humane Letters oleh Universiti Doshisha, Kyoto, Jepun, kerana baktinya terhadap pendidikan dan kedaulatan undang-undang.

Dr Mahathir menerima anugerah itu daripada Presiden Universiti Doshisha, Takashi Matsuoka, pada satu majlis penganugerahan khas yang diadakan di Amherst House, universiti berkenaan.

“(Kedua prinsip) adalah sejajar dengan ‘pendidikan nurani’ terhadap sumbangan bagi keamanan dan pembangunan Malaysia, Jepun dan Asia Timur,” kata Matsuoka.

Turut hadir pada majlis itu

ialah Canselor Universiti Doshisha dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Eiji Hatta, serta kakitangan akademik universiti berkenaan.

Matsuoka berkata, sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri tahun lalu, Dr Mahathir mengambil langkah untuk mengukuhkan lagi prinsip kedaulatan undang-undang.

“Komitmen Dr Mahathir untuk mengukuhkan lagi kedaulatan undang-undang menjadi asas terhadap keyakinan daya tahan demokrasi dalam era yang penuh mencabar,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir, dalam ucapannya, menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Doshisha dan kakitangan akademiknya kerana menganugerahkan ijazah doktor kehormat itu.

“Saya amat berbesar hati kerana universiti ini mengiktiraf sedikit sumbangan yang dilakukan untuk negara. Saya harap akan sentiasa memenuhi penghormatan yang diberikan dan cuba membuat pertimbangan sebaiknya ketika berkhidmat untuk negara,” katanya.

Ijazah doktor kehormat itu dianugerahkan kepada mereka yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam penyelidikan akademi, seni dan sosial sama ada di peringkat negara dan antarabangsa.

Dr Mahathir adalah penerima

ke-68 anugerah itu.

Penerima lain termasuk pengasas Matsushita (kini Panasonic), Kanosuke Matsushita, dan ahli ekonomi Amerika Syarikat, Joseph Eugene Stiglitz, yang juga penerima bagi Hadiah Nobel Memorial dalam Sains Ekonomi dan John Bates Clark Medal.

Ditubuhkan pada 1875, Universiti Doshisha adalah satu daripada institusi pengajian tinggi persendirian tertua di Jepun dan menerima hampir 30,000 pelajar yang mendaftar di empat kampusnya di Kyoto.

Ia juga satu daripada universiti ‘Global 30’ Jepun dan antara empat universiti swasta ternama di Kansai.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa selama 40 minit di Towa Corporation, sebuah syarikat semikonduktor yang merancang untuk melabur sejumlah RM100 juta bagi memperluaskan operasinya di Batu Kawan, Pulau Pinang.

Beliau turut melawat Shimadzu Corporation, sebuah syarikat yang ditubuhkan pada 1875 bagi menghasilkan instrumen ketepatan, pengukur dan kelengkapan perubatan.

Ia turut beroperasi di Malaysia dengan memiliki kilang menghasilkan alat pengukur dan analisis di Sendayan Tech Valley di Seremban sejak Januari 2015.